

1068- INISIATIF PEMERKASAAN WANITA DALAM SEKTOR EKONOMI DAN PEKERJAAN DI MALAYSIA: TINJAUAN AWAL

NORAZLA ABDUL WAHAB

Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
norazla@kuis.edu.my

SITI NUR AISYAH BINTI MASREN

Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)

MARLIANA BINTI ABDULLAH

Jabatan Syariah
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
marliana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi adalah signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun penyertaan dan peluang wanita dalam sektor ekonomi di Malaysia, adalah sederhana apabila berada di kedudukan ke-88 daripada 153 negara dengan skor 0.656 seperti yang dilaporkan dalam Indeks Jurang Gender Forum Ekonomi Dunia (WEF) pada tahun 2022. Malah, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita masih rendah iaitu 55.3 peratus pada 2020 berbanding Singapura (69.7%) dan Thailand (66.8%) atau negara-negara membangun yang lain yang melebihi 60 peratus. Ia tidak selari dengan jumlah enrolmen wanita yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam semua peringkat pendidikan di Malaysia sama ada rendah, menengah dan tertuari. Antara faktor yang dikenalpasti berlaku jurang di antara penyertaan wanita dalam pasaran kerja ialah kurangnya sokongan daripada keluarga dan majikan di tempat kerja. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan menganalisis inisiatif kerajaan dalam memperkasa penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan pekerjaan di Malaysia. Kajian ini akan menganalisis kajian-kajian terdahulu, dokumen-dokumen berkaitan seperti dasar dan polisi kerajaan, laporan-laporan kementerian, dokumen Belanjawan MADANI 2023 dan beberapa dokumen perundangan. Kajian mendapati terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh kalangan wanita bekerja seperti diskriminasi di tempat kerja, masalah penjagaan ahli keluarga (anak dan warga emas (ibu bapa), gangguan seksual, dwiperanan, konflik kerja-keluarga, dan lain-lain. Selain itu, beberapa inisiatif telah dilancarkan oleh Kerajaan umpamanya dalam Belanjawan MADANI 2023 seperti peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja, memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak di pejabat, pelanjutan insentif cukai sedia ada, penyediaan subsidi yuran taska RM180 sebulan dan sebagainya. Kajian ini adalah signifikan dalam menambahbaik pelaksanaan dasar dan polisi sedia ada berkaitan pemerkasaan wanita dalam sektor ekonomi di Malaysia.

Kata Kunci: Belanjawan, Ekonomi, MADANI, Pemerkasaan, Wanita.

PENDAHULUAN

Penglibatan wanita adalah signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Malah penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan pekerjaan sudah bermula sejak di zaman Rasulullah S.A.W lagi apabila terdapat sebilangan wanita yang melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kehidupan seperti bidang pertanian, perusahaan dan

perniagaan (Faisal Othman, 1993). Asma' binti Abu Bakr iaitu isteri kepada Zubair ibn al-'Awwam umpamanya adalah wanita yang terlibat dalam bidang pertanian seperti menabur biji benih, membawa balik hasil pertanian ke rumah untuk disimpan, memungut kayu api, mengangkut air dari perigi untuk minuman dan persediaan makanan keluarga mereka (Faisal Othman, 1993). Selain itu, wanita juga terlibat dalam bidang perusahaan seperti membuat kerja kraf tangan yang halus tetapi perusahaan ini hanya dilakukan di rumah sahaja (Faisal Othman, 1993). Mereka juga menjalankan perniagaan dan turut berniaga di Pasar Madinah dan di pasar-pasar lain umpamanya Umm al-Mundhir binti al-Qays, seorang peniaga tamar dan Asma' binti Makhzumah (peniaga minyak wangi) (Faisal Othman, 1993).

Dalam konteks di Malaysia, penyertaan dan peluang wanita dalam sektor ekonomi di Malaysia adalah sederhana apabila berada di kedudukan ke-88 daripada 153 negara dengan skor 0.656 seperti yang dilaporkan dalam Indeks Jurang Gender Forum Ekonomi Dunia (WEF) pada tahun 2022. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita juga masih rendah iaitu 55.3 peratus pada 2020 berbanding Singapura (69.7%) dan Thailand (66.8%) atau negara-negara membangun yang lain yang melebihi 60 peratus. Ia tidak selari dengan jumlah enrolmen wanita yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam semua peringkat pendidikan di Malaysia sama ada rendah, menengah dan tertiar.

Antara faktor yang dikenalpasti berlaku jurang di antara penyertaan wanita dalam pasaran kerja ialah kurangnya sokongan daripada keluarga dan majikan di tempat kerja. Selain itu terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh wanita di tempat kerja seperti diskriminasi disebabkan kehamilan, dinafikan peluang naik pangkat, masalah penjagaan ahli keluarga (anak dan warga emas (ibu bapa), upah rendah, gangguan seksual, dwiperanan, konflik kerja-keluarga, kesihatan mental dan lain-lain (Rojanah, 2023). Sehubungan itu, kertas kerja ini akan menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi oleh wanita serta inisiatif kerajaan dalam memperkasa penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan pekerjaan di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap kajian-kajian terdahulu, dokumen-dokumen berkaitan seperti dasar dan polisi Kerajaan seperti Dasar Wanita dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, laporan-laporan kementerian, dokumen-dokumen seperti Rancangan Malaysia ke-10 (2010-2015) (RMK-10), Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025) (RMK-12), Belanjawan MADANI 2023 dan beberapa dokumen perundangan seperti Akta Kerja 1995 dan Akta Kerja (Pindaan) 2022.

PERBINCANGAN

Inisiatif Pemerkasaan Wanita dalam Sektor Ekonomi di Malaysia

Pemerkasaan merupakan satu proses untuk mencapai sesuatu seperti keupayaan individu atau kumpulan untuk membuat pilihan dan mentransformasikan pilihan tersebut menjadi tindakan yang dikehendaki untuk mendapatkan hasilnya (Noor Carmelita, 2015). Pemerkasaan wanita merupakan aspek penting dalam mencapai kesaksamaan gender iaitu apabila wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak dan tanggungjawab yang sama dalam semua aspek kehidupan (Noor Carmelita, 2015). Pemerkasaan wanita juga ialah pengawalan terhadap diri wanita itu sendiri dan kesedaran golongan wanita terhadap hak kepada kehidupan dan mereka

dapat membuat keputusan untuk menentukan apa yang dikehendaki dalam hidup mereka (Noor Carmelita, 2015). Usaha memperkasa peranan wanita akan membolehkan mereka turut sama-sama menyumbang secara signifikan untuk pembangunan negara.

Berikut adalah inisiatif pemeraksanaan dan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia.

Dasar Wanita Negara

Dasar Wanita Negara bertujuan untuk membangunkan modal insan yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri dengan melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni. Dasar ini juga memberi panduan dan hala tuju dalam usaha perancangan dan pelaksanaan pembangunan wanita atas kesedaran bahawa kaum wanita merupakan separuh daripada penduduk negara yang gigih menyumbang kepada pembangunan negara.

Dasar ini dilengkapi dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk mencapai objektif dan matlamat Dasar Wanita Negara. PTPW mengandungi strategi yang meliputi 13 sektor iaitu ekonomi, kemiskinan, undang-undang, keganasan terhadap wanita, kesihatan, pendidikan dan Latihan, sains dan teknologi, pembuat keputusan, mekanisme, jentera dan institusi pembangunan wanita, media, alam sekitar, sukan, dan kebudayaan, kesenian dan warisan.

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW)

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita adalah rancangan dalam bentuk tindakan yang dijelaskan secara terperinci melalui strategi yang ingin dicapai dalam 13 bidang termasuk sektor ekonomi. PTPW dalam segmen wanita dan ekonomi adalah bertujuan untuk meningkatkan penyertaan dan sumbangan wanita dalam pelbagai sektor pembangunan ekonomi negara di semua peringkat penglibatan dan pekerjaan serta ke arah mencapai kesaksamaan gender dalam bidang ekonomi.

Antara strategi yang telah dilakukan oleh Kerajaan ialah menambahkan peluang dan mempelbagaikan jenis latihan kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang pekerjaan bukan tradisi bagi wanita, meningkatkan bilangan, peluang dan layanan saksama untuk wanita dalam pekerjaan, mewujudkan dan melaksanakan strategi keseimbangan kerjaya dan keluarga, memastikan majikan menyediakan kemudahan dan sokongan kepada wanita bekerja seperti pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, mengamalkan waktu kerja fleksibel dan menyediakan kemudahan cuti untuk menjaga anak.

Selain itu, antara strategi lain ialah memudah cara kemasukan semula wanita ke dalam pasaran pekerjaan, mengurangkan gangguan seksual di tempat kerja, menangani diskriminasi atau eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja, mengenal pasti dan memudah cara wanita yang berpotensi untuk menjadi peniaga dan usahawan, meningkatkan bilangan pengusaha-pengusaha wanita dalam pelbagai sektor untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing, mewujudkan Bank Pembangunan Wanita, mewujudkan jaringan keselamatan sosial, mengoptimum dan memanfaatkan sumber ilmu, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman kerja pesara wanita, memastikan majikan memberi maklumat dan kesedaran kepada pekerja wanita tentang kepentingan bekerja dengan selamat dan sihat, memastikan

majikan menyediakan kemudahan untuk keselamatan dan perlindungan bagi pekerja wanita dan mewujudkan dasar untuk mengiktiraf sumbangan wanita dalam sektor informal dan *unpaid work*.

Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan Dasar Wanita Negara dan PTPW sangat bergantung kepada komitmen dan sokongan semua pihak terutama kepimpinan tertinggi serta kerjasama agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat sivil (Noor Azizah & Mariny 2016). Namun sebahagian daripada strategi yang digariskan dalam PTPW ini telah berjaya dicapai dan dilaksanakan seperti yang termaktub di dalam dokumen Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Belanjawan Negara dan pindaan kepada Akta Kerja 1995.

Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015)

Rancangan Malaysia Kesepuluh mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan. Rancangan ini merencanakan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun (2011-2015). Rancangan ini menyediakan pentas bagi transformasi struktur utama yang diperlukan oleh ekonomi berpendapatan tinggi serta hala tuju dasar, strategi dan program baharu yang membolehkan Malaysia tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi. Program pembangunan nasional berteraskan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara, seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan, Bidang Ekonomi Utama Negara dalam Program Transformasi Ekonomi dan pembaharuan ekonomi strategik dalam Model Baru Ekonomi. Rancangan ini memperincikan strategi untuk memastikan peranan yang lebih berfokus bagi Kerajaan selaku pengawal selia dan pemangkin, dan pada masa yang sama mendukung gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan demi penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Dalam aspek wanita, RMK-10 memberi fokus untuk memperkasa wanita bagi meningkatkan sumbangan mereka dalam ekonomi seperti meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja, menambah bilangan wanita dalam peringkat pembuat keputusan, menambah baik penyediaan sokongan kepada wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah dan menghapuskan semua jenis diskriminasi terhadap wanita.

Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)

Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 (RMK-12), bermatlamat supaya rakyat Malaysia secara keseluruhannya mengecapi taraf hidup wajar atau 'decent standard of living' menjelang tahun 2030. RMK-12 adalah berasaskan kepada tiga dimensi, iaitu pemerikasaan ekonomi, kemampanan alam sekitar serta perikayaan sosial dan disokong oleh alat dasar dan tadbir urus. Ketiga-tiga dimensi ini juga akan dijajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG) di bawah Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).

Fokus utama RMK-12 tersebut ialah untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi, memperkukuh pemangkin pertumbuhan, meningkatkan kesejahteraan keluarga Malaysia, memantapkan keselamatan dan ketenteraman awam, membasmi kemiskinan tegar dan merapatkan jurang pendapatan, memperkasa agenda bumiputera dan keluarga Malaysia, melonjakkan pembangunan Sabah, Sarawak dan negeri-negeri kurang membangun,

mempercepat pertumbuhan hijau, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan.

RMK-12 turut memberi tumpuan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan proses membuat keputusan. Penyertaan wanita dalam pasaran kerja disasarkan mencapai 59 – 60% pada tahun 2025, mempertingkatkan akses dan kualiti perkhidmatan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak serta penjagaan warga emas dengan yuran yang berpatutan. Ini akan mendorong lebih ramai wanita untuk kekal atau kembali bekerja. Selain itu RMK-12 memberikan tumpuan untuk mengukuhkan pembangunan ekonomi usahawan wanita dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan dan aktiviti latihan kemahiran. Usahawan wanita juga akan digalakkan untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian untuk memperluaskan pasaran.

Undang-undang sivil dan syariah bagi menangani isu berkaitan wanita akan diperkukuhkan dan satu rangka kerja bagi memperkasakan gender dan memperkasakan peranan wanita akan diperkenalkan melalui ekonomi Peduli (Care Economy) sebagai usaha meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran tenaga kerja. Ekonomi Peduli ini bertujuan untuk mewujudkan pekerjaan, untuk B40, wanita dan belia, meningkatkan produktiviti dan keseimbangan kehidupan kerja serta mengekalkan wanita dalam tenaga kerja.

Pindaan Akta Kerja 1995

Pindaan Akta Kerja 1955 pada tahun 2012 telah memasukkan beberapa peruntukan berhubung dengan undang-undang gangguan seksual di tempat kerja (Mumtaj & Khuzaimah, 2014). Seksyen 81A hingga 81G memperuntukkan berkaitan prosedur siasatan terhadap aduan gangguan seksual dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (Mumtaj & Khuzaimah, 2014). Majikan dikehendaki untuk menjalankan siasatan terhadap aduan berkenaan gangguan seksual oleh mana-mana pekerja di bawah penyeliaannya seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 81B Akta Kerja 1955.

Selain itu, majikan boleh mengambil tindakan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 81C terhadap pelaku sekiranya gangguan seksual tersebut berjaya dibuktikan. Majikan juga boleh disabitkan dengan penalti iaitu didenda tidak melebihi RM10,000 sekiranya gagal membuat siasatan terhadap aduan atau gagal mengemukakan laporan siasatan gangguan seksual seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 81F Akta Kerja 1955. Pindaan tahun 2022 kepada Akta Kerja 1995 melalui Seksyen 81H telah mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis kesedaran tentang gangguan seksual di tempat kerja. Pindaan-pindaan terhadap Akta Kerja tersebut dilihat sebagai usaha serius untuk menangani isu gangguan seksual di tempat kerja dalam kalangan pekerja wanita.

Akta Kerja 1995 juga turut ditambah baik dengan beberapa pindaan yang dibuat pada tahun 2022 sebagai menyokong usaha pemerkasaan wanita dalam sektor ekonomi di Malaysia. Sebagai contoh, pemendekkan jam bekerja dari 48 jam ke 45 jam seminggu seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 60C Akta Kerja 1995. Dasar waktu bekerja 45 jam seminggu ini adalah sebagai salah satu langkah untuk mewujudkan keharmonian keluarga di samping melahirkan pekerja yang produktif (Mohd Shahril Nizam, 2023).

Selain itu, Pindaan 2022 terhadap Akta Kerja 1955 iaitu seksyen 60P dan 60Q telah memperkenalkan waktu kerja fleksibel yang merangkumi perubahan waktu kerja, perubahan

hari kerja serta tempat bekerja (Mohd Shahril Nizam, 2023). Pindaan kepada Seksyen 37 Akta Kerja 1955 telah memperuntukkan manfaat cuti bersalin 98 hari kepada pekerja wanita yang melahirkan anak semasa masih dalam tempoh pekerjaan berbanding 60 hari sebelum ini. Peruntukan seksyen 41A mengenai larangan penamatan wanita hamil juga merupakan satu bentuk perlindungan kepada wanita dan usaha untuk menggalakkan wanita terus kekal dalam pekerjaan.

Belanjawan Madani 2023

Belanjawan Negara 2023 yang dikenali sebagai Belanjawan MADANI 2023 telah dibentangkan oleh YAB PM Datuk Seri Anwar Ibrahim merangkap Menteri Kewangan pada 24 Februari 2023. Belanjawan yang berlandaskan konsep MADANI bertujuan untuk membangun tanah air yang lebih mampan dan makmur berteraskan ruh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya. Fokus Belanjawan 2023 ialah menambah baik langkah menangani kos sara hidup dan memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk golongan miskin tegar serta kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Belanjawan MADANI 2023 telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk memperkasa wanita dalam sektor ekonomi dan pekerjaan yang secara asasnya memberi tumpuan kepada tiga aspek iaitu menggalakkan wanita kekal atau kembali bekerja, penyediaan kemudahan dan sokongan kepada wanita bekerja dan menangani isu-isu wanita.

Bagi tujuan menggalakkan wanita kekal atau kembali bekerja, beberapa inisiatif telah diperkenalkan seperti Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja, had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak sehingga RM3,000, pengecualian cukai bagi wanita yang kembali bekerja (bagi cukai taksiran 2023 sehingga 2028), geran bersamaan 80 peratus daripada nilai gaji yang diinsuranskan bagi menggalakkan wanita kembali bekerja, pindaan Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Program Penjana Pendapatan yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi yang membabitkan elemen keusahawanan, literasi kewangan dan ekonomi digital.

Beberapa kemudahan dan sokongan kepada wanita bekerja turut diperkenalkan seperti memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak- pusat jagaan atau asuhan kanak-kanak di tempat kerja, waktu bekerja fleksibel, pilihan untuk bekerja dari rumah dan subsidi yuran taska sebanyak RM180 sebulan. Manakala bagi menangani isu-isu wanita pula, beberapa undang-undang telah ditambah baik umpamanya bagi menangani isu berkaitan diskriminasi akibat kehamilan apabila Akta Kerja (Pindaan) 2022 telah melarang majikan daripada memberhentikan pekerja hamil. Selain itu, Akta Gangguan Seksual 2022 telah digubal bagi menangani isu gangguan seksual antaranya dengan penubuhan tribunal bagi anti gangguan seksual.

KESIMPULAN

Usaha pemerksaan wanita dalam sektor ekonomi oleh Kerajaan telah bermula sejak RMK 9 (2006-2010) dengan mengiktiraf penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan iaitu dengan memperkenalkan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan untuk memastikan penyertaan wanita di peringkat

Pengurusan Tertinggi. Usaha ini diteruskan dalam RMK-10 dan RMK-12 juga belanjawan-belanjawan negara saban tahun. Malah beberapa undang-undang juga telah dipinda bagi memastikan inisiatif pemeraksanaan wanita dalam sektor ekonomi dan pekerjaan di Malaysia dapat direalisasikan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada SLHI, Universiti Islam Selangor (UIS) yang membiayai yuran pembentangan ke seminar ini.

RUJUKAN

- Belanjawan 2023. Kementerian Kewangan Malaysia
<chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2023/ucapan/ub23.pdf>
- Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
<chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA.pdf>.
- Faisal Othman, 1993. Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Shahril Nizam Md Radzi. 2023. Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022). KANUN 25(2). 367-378.
- Mumtaz Bt Hassan & Khuzaimah Mat Salleh (2014) *Gangguan Seksual Di Tempat Kerja: Hak Pekerja Menurut Undang-Undang Malaysia*. Dalam: UUM International Conference on Governance 2014 (ICG), 29th - 30th November 2014, Flamingo Hotel By The Beach, Pulau Pinang.
- Noor Carmelita Binti Mohamed Noor. 2015. Wanita Dan Pemeraksanaan: Satu Kajian Kes Penglibatan Isteri Nelayan Dalam Persatuan Kunita Sinar Mutiara Di Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Noor Azizah Ahmad & Mariny Abdul Ghani. 2016. Dasar Wanita Negara: Daripada Polisi Kepada Pelaksanaan. *Jurnal Pembangunan Sosial (Edisi Khas)*. Vol. 19. 69-86.
<https://doi.org/10.32890/jps.19.2016.11533>
- Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015). Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. 2010. Putrajaya.
chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pdf
- Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025). Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. 2010. Putrajaya.
[file:///C:/Users/Lenovo/Downloads/Dokumen%20RMKe-12%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/Lenovo/Downloads/Dokumen%20RMKe-12%20(1).pdf)